

**WACANA PENUBUHAN PROVINSI
TAPANULI DALAM AKHBAR INDONESIA:
SATU KAJIAN TERHADAP BERITA DI DALAM
AKHBAR *SINAR INDONESIA BARU* DAN *WASPADA***

SYAFRUDDIN POHAN

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2010

**WACANA PENUBUHAN PROVINSI TAPANULI DALAM
AKHBAR INDONESIA:
SATU KAJIAN TERHADAP BERITA DI DALAM AKHBAR *SINAR
INDONESIA BARU* DAN *WASPADA***

Oleh

SYAFRUDDIN POHAN

Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan Ijazah
Doktor Falsafah

PENGAKUAN

Saya akui tesis ini merupakan karya yang saya kerjakan sendiri, kecuali nukilan pendapat dan data sekunder yang tiap-tiap satunya telah saya cantumkan sumbernya.

26 JUN 2010

SYAFRUDDIN POHAN

SKOD0008/06(R)

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Illahi kerana dengan rahmat dan kurnia-Nya tesis ini dapat diselesaikan oleh penulis seperti yang diharapkan. Selawat serta salam sentiasa tercurah ke atas junjungan Nabi Muhammad SAW yang telah membawa kita dari alam kegelapan menuju alam yang terang benderang.

Dengan selesainya tesis ini maka penulis pula telah menamatkan pengajian di Universiti Sains Malaysia (USM) Pulau Pinang Malaysia, kampus cemerlang, gemilang, dan terbilang. Dalam kesempatan yang baik ini izinkanlah penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan seraya ucapan terima kasih yang tiada terhingga kepada Prof. Madya Mohamad Md. Yusoff selaku penyelia tesis ini. Tanpa lelah beliau telah banyak mencerahkan perhatian dengan memberikan bimbingan, tunjuk ajar dan arahan-arahan ilmiah untuk kesempurnaan tesis ini. Semoga Allah SWT meninggikan darjah beliau dengan ilmu yang amaliah.

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Naib Canselor, Dekan Institut Pengajian Siswazah, Dekan dan Timbalan Dekan Pusat Pengajian Komunikasi USM serta para pensyarah yang telah memberikan masukan dan arahan, khususnya ketika penulis melakukan pembentangan proposal kajian ini. Ucapan yang sama penulis tujukan kepada Prof. Dato Sri Syed Arabi Idid, Prof.Dr. Ahmad Atory Hussain, Prof Madya Dr Adnan Hussain yang bertindak sebagai penguji tesis, yang juga turut memberikan pengetahuan dan masukan berharga kepada penulis.

Selain itu, ucapan sama juga disampaikan kepada Rektor, Timbalan Rektor Universitas Sumatera Utara (USU) yang telah memberikan biasiswa. Dekan dan Timbalan Dekan Fakultas Ilmu Sosial dan Ilmu Politik USU yang telah memberikan kesempatan kepada penulis untuk melanjutkan pengajian di USM.

Rakan-rakan daripada pelbagai penjuru Indonesia yang bermastautin di Flat Hamna Blok C 3/39 Sungai Dua Pulau Pinang antaranya Nurdin Abdul Halim (UIN Riau), abang Sukiman (IAIN Sumatera Utara), dan Pak Mulyadi (Universitas Jayabaya Jakarta). Secara khusus, terima kasih dan tahniah kepada Enda Andisto yang telah memberikan fasiliti tempat tinggal yang selesa dengan kenangan indah nan sukar dilupakan. Juga sekalung budi kepada Febry Ichwan Butsi, Haris Wijaya, dan Vinsent G. Sitepu, ketiga-tiganya ialah staf saya di Pusat Pengkajian Komunikasi Massa FISIP (P2KM) USU yang ketika ini sedang menempuh peringkat masters di PPK USM.

Terima kasih dan takzim kepada ayahanda Haji Abdul Muthalib Pohan dan ibunda Hajjah Syarifah Siregar yang kedua-duanya telah pergi ke alam baka. Tesis ini ananda dedikasikan kepada ayahanda dan ibunda (*Allahummaghfirlana zunubana wali-walidayna warhamhma kamaa robbayana shaghirah*). Juga tidak lupa kepada 12 saudara sekandung penulis yang turut menjadi sumber inspirasi dan semangat untuk terus mara ke peringkat Pengajian PhD di USM. Tesis ini merupakan sebentuk ratna mutu manikam yang penulis persembahkan kepada isteri tercinta Eliza Mawardi Sara serta buah hati kami Ielena Istiqlal Pohan, Kevin Abdul-Djuomhurry Simanjuntak, dan Mohammed Axel Simanjuntak.

Penulis memohon ke hadrat Allah semoga segala bantuan budi baik tuan-tuan, puan-puan, kerabat, saudara-saudara dan sahabat mendapat balasan yang sebesar-besarnya daripada Allah SWT. Tiap-tiap kelemahan datangnya daripada penulis dan segala kelebihan tesis ini datangnya daripada Allah SWT. Akhir sekali, teguran dan kritikan yang membina daripada semua pihak amat dialu-alukan.

**WACANA PENUBUHAN PROVINSI TAPANULI DALAM AKHBAR
INDONESIA :
SATU KAJIAN TERHADAP BERITA DI DALAM AKHBAR SINAR
INDONESIA BARU DAN WASPADA**

ABSTRAK

Kajian ini menggunakan pendekatan analisis wacana kritikal untuk menjelaskan kedudukan kedua-dua akhbar *Sinar Indonesia Baru (SIB)* dan *Waspada* dalam melaporkan isu penubuhan Provinsi Tapanuli. Fokus penyelidikan ialah mengenal pasti kaedah kedua-dua akhbar membuat wacana rancangan penubuhan Provinsi Tapanuli. Penyelidikan pula hendak mengetahui proses keputusan media berkenaan dalam menentukan satu berita yang akan dimuatkan, termasuk kandungan tajuk, susun atur berita, bilangan paragraf, dan sumber maklumat berita. Tujuan penyelidikan ialah melihat cara-cara media menghasilkan berita, hubungan wartawan dengan media dan cara organisasi media mengelolakan ruangan media. Unit analisis yang dikaji ialah berita hangat (*straight/hard news*) yang lebih dominan berbanding pendapat, dan artikel pendapat. Teori utama yang diguna pakai dalam analisis wacana kritikal di sini ialah teori wacana media, hegemoni media, teori konstruksi realiti media, dan teori perubahan sosial daripada Norman Fairclough. Teori-teori lain yang digunakan untuk meningkatkan penyelidikan ini ialah teori hegemoni media, teori konstruksi realiti, dan teori penentuan agenda. Penyelidikan ini pula mengamalkan analisis tiga tahap; iaitu, “teks”, “praktik wacana”, dan “sosiod budaya”. Pada tahap penyelidikan teks, data dianalisis dengan menggunakan dua cara ; iaitu, analisis isi kandungan kuantitatif dan analisis pembingkaian Robert Entmann. Daripada hasil penyelidikan teks, penyelidikan dilanjutkan dengan menemu bual wartawan dan pengurus media seputar sebagai hasil penyelidikan teks yang diperoleh sebelumnya. Tahap selanjutnya ialah penyelidik melakukan kajian sosiod budaya antaranya tentang sejarah Tapanuli, dan etnik Batak. Hasil yang diperoleh daripada ketiga-tiga tahap tersebut ialah : Akhbar *Sinar Indonesia Baru* memaknai wacana penubuhan Provinsi Tapanuli iaitu satu rancangan yang sememangnya diwujudkan untuk mensejahterakan masyarakat Tapanuli, manakala akhbar *Waspada* memberikan penjelasan bahawa penubuhan Provinsi Tapanuli terlalu dipaksa, sehingga dikhawatir boleh menimbulkan ketidakharmonian bagi masyarakat Sumatera Utara yang selama ini wujud. Kedua, *Sinar Indonesia Baru* menonjolkan berita wacana penubuhan Provinsi Tapanuli. Hal ini terbukti apabila akhbar *SIB* lebih banyak menggunakan jumlah bilangan paragraf berita berbanding akhbar *Waspada*. Ketiga, untuk meyakinkan pembacanya mencapai matlamat wujudnya Provinsi Tapanuli, akhbar *Sinar Indonesia Baru* menggunakan sumber berita elit politik dan tokoh masyarakat yang seakan dipaksakan. Sebaliknya, akhbar *Waspada* lebih banyak menggunakan tokoh dan pakar yang rasional untuk menolak penubuhan Provinsi Tapanuli, dan keempat *Sinar Indonesia Baru* berpendirian, wujudnya Provinsi Tapanuli ialah cerminan hak asasi masyarakat yang mesti dihormati kerajaan dan pihak yang menentangnya, manakala *Waspada* pula menilainya sebagai sesuatu yang terlalu dicari-cari alasannya.

**DISCOURSE IN THE FORMATION OF TAPANULI PROVINCE IN
INDONESIAN NEWSPAPER: A RESEARCH OF NEWS IN *SINAR INDONESIA*
BARU AND *WASPADA* DAILY**

ABSTRACT

This research uses a critical discourse analysis approach to clarify both positions of *SIB* and *Waspada* dailies on reporting the issue formation of Tapanuli province. The focus of this research is to understand exactly how both media construct relating to discourse on the formation of Tapanuli province plan. Technically, the research intends to know how the process of media decision making on selecting news topic, news layout, paragraph numbers and news resources. The research examines news producing methods, media-journalist relationship and how media organizations manage the newsroom. The unit analysis of this research is news items on dominant than pendapaton articles. The main theory of Norman Fairclough is used in this critical discourse analysis. The supporting theories are media hegemony, reality construction theory, and agenda setting theory. This research also uses three phases of analysis which are text, discourse practice and socio-cultural. For the text phase, analysis was investigated by two aways, which are quantitative content analysis and Robert Entmann's framing analysis. After obtaining the text research results, research are continued by interviewing journalists and media management about what are on the final text results. On the third phase, in researcher executes research on socio-cultural milieu by references to the history of Tapanuli, Batak ethnic as well as Tapanuli district in the past. The results from three phases of the research are: 1). *SIB* interpreted discourse on formatting Tapanuli province deservedly to be done for the people of Tapanuli's welfare in which their conditions are still poor, while *Waspada* interpreted this formation is going to create social conflicts. 2) *SIB* used agenda setting strategy while *Waspada* used public agenda's model. 3) *SIB* and *Waspada* used the same news resources from politicians, political parties, government and parliament members. 4) *SIB* viewed formatting Tapanuli province as socio-political process and did not base on particular religion and ethnic group. On the contrary, *Waspada* viewed it as socio-cultural process that include particular religion and ethnic group interests.

SUSUNAN KANDUNGAN

Bil.	Perkara	Muka surat
	PENGAKUAN	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	vi
	ABSTRACT	vii
	SUSUNAN KANDUNGAN	viii
	SENARAI JADUAL	xii
	SENARAI RAJAH	xiii
	SENARAI ISTILAH	xv
	BAB SATU PENDAHULUAN	1 - 21
1.0	Pengenalan	1
1.1	Latar belakang Penyelidikan	2
1.2	Permasalahan Kajian	10
1.3	Persoalan Kajian	12
1.4	Tujuan Kajian	14
1.5	Kepentingan Kajian	15
1.6	Skop Kajian	16
1.7	Definisi Konsep-konsep Penting	16
1.8	Kerangka Analisis	19
1.9	Sistematika Tesis	21
	BAB DUA TEORI DAN KAJIAN LEPAS	22-50
2.0	Pengenalan	22
2.1	Paradigma Analisis Wacana Kritikal	23
	2.1.1 Berita dalam Kajian Paradigma Wacana Kritikal	26
2.2	Analisis Isi Kandungan	32
2.3	Paradigma Konstruktif	34
2.4	Kajian Lepas Analisis Wacana Kritikal	38

BAB TIGA KAEDAH KAJIAN	51 - 64
3.0 Pengenalan	51
3.1 Kaedah Analisis	51
3.1.1 Kaedah Analisis Wacana Kritikal Norman Fairclough	51
3.1.2 Analisis Pembingkaian Robert Entman	53
3.2 Kaedah Pengumpulan Data	61
3.3 Rasional Pemilihan Objek	62
3.4 Rasional Pemilihan Subjek	63
3.5 Rasional Tempoh Penyelidikan	63
BAB EMPAT SEJARAH TAPANULI	65-96
4.0 Pengenalan	65
4.1 Profil Daerah Tapanuli	65
4.2 Keresidenan Tapanuli	71
4.3 Sejarah Etnik Batak	73
4.3.1 Demografi	75
4.3.2 Subetnik Batak	76
4.3.2.1 Toba	76
4.3.2.2 Simalungun	78
4.3.2.3 Pakpak	79
4.3.2.4 Angkola	80
4.3.2.5 Mandailing	81
4.3.2.6 Karo	83
4.3.2.7 Etnik Nias	83
4.4. Seputar Idea Penubuhan Provinsi Tapanuli	85
4.4.1 Kronologi Rancangan Penubuhan Provinsi Tapanuli	85
4.4.2 Kondisi Wilayah Rancangan Penubuhan Provinsi Tapanuli	89
BAB LIMA MEDIA MASSA DI INDONESIA DAN PROFIL AKHBAR <i>SIB</i> DAN <i>WASPADA</i>	97-114
5.0 Pengenalan	97
5.1 Persuratkhabaran di Indonesia Sebelum Era Reformasi	97

5.2	Perkembangan Akhbar di Indonesia	100
	5.2.1 Persebaran Penerbitan Akhbar di Indonesia	101
	5.2.2 Perbandingan Kelas Sosial Ekonomi Antara Media	103
	5.2.3 Perbandingan Pasaran Akhbar dan Televisyen	103
	5.2.4 Peredaran Naskhah dan Jenis Berita	105
	5.2.5 Kumpulan Kepemilikan Media di Indonesia	106
5.3	Profil Akhbar <i>Sinar Indonesia Baru</i> (SIB)	108
5.4.	Profil Akhbar <i>Waspada</i>	109
BAB ENAM ANALISIS DAN HASIL KAJIAN		115 - 221
6.0	Pengenalan	115
6.1	Analisis Tekstual	116
	6.1.1 Analisis Isi Kandungan <i>SIB</i> dan <i>Waspada</i>	117
	6.1.2 Analisis Pembingkaian <i>SIB</i> dan <i>Waspada</i>	125
	6.1.2.1 Analisis Pembingkaian Akhbar <i>SIB</i>	125
	6.1.2.2 Analisis Pembingkaian Akhbar <i>Waspada</i>	164
6.2	Analisis Praktikal Wacana <i>SIB</i> dan <i>Waspada</i>	196
	6.2.1 Ciri Pembaca Akhbar di Sumatera Utara	199
6.3	Analisis Praktikal Akhbar <i>SIB</i> dan <i>Waspada</i>	201
	6.3.1 Karakteristik Akhbar <i>SIB</i>	204
	6.3.2. Penonjolan Akhbar <i>SIB</i>	204
	6.3.3 Pola Produksi Teks Akhbar <i>SIB</i>	204
	6.3.4 Konstruksi Wacana Provinsi Tapanuli dalam Akhbar <i>SIB</i>	206
	6.3.5 Analisis Praktikal Wacana Akhbar <i>Waspada</i>	207
	6.3.6 Karakteristik Akhbar <i>Waspada</i>	209
	6.3.7 Penonjolan Akhbar <i>Waspada</i>	210
	6.3.8 Pola Produksi Teks Akhbar <i>Waspada</i>	211
	6.3.9 Konstruksi Wacana Akhbar <i>Waspada</i>	211
6.4	Analisis Praktikal Sosiobudaya	212
	6.4.1 Analisis Praktikal Sosiobudaya <i>SIB</i> dan <i>Waspada</i>	212
	6.4.1.1 Analisis Situasi <i>SIB</i> dan <i>Waspada</i>	214
	6.4.1.2 Analisis Institusi <i>SIB</i> dan <i>Waspada</i>	219
	6.4.1.3 Analisis Sosial <i>SIB</i> dan <i>Waspada</i>	220

BAB TUJUH KESIMPULAN DAN IMPLIKASI KAJIAN 222 - 243

7.0	Pengenalan	222
7.1.	Bentuk Konstruksi Wacana <i>SIB</i> dan <i>Waspada</i>	222
7.1.1	Letak Berita	225
7.1.2	Bilangan Paragraf	227
7.1.3	Jenis Berita Yang Diamalkan	228
7.1.4	Penggunaan Sumber Berita	229
7.1.5	Isu-Isu Utama Dalam Pemberitaan Wacana Provinsi Tapanuli	230
7.2	Kesimpulan	231
7.2.1	Konstruksi Wacana <i>SIB</i> dan <i>Waspada</i>	231
7.3	Implikasi Kajian	233
7.3.1	Implikasi Teoritikal	233
7.3.2	Implikasi Praktikal	234
7.4	Saranan Kajian Masa Akan Datang	235
	SENARAI RUJUKAN	236
	SENARAI LAMPIRAN 1	248
	SENARAI LAMPIRAN 2	258
	SENARAI LAMPIRAN 3	268
	SENARAI LAMPIRAN 4	274
	SENARAI LAMPIRAN 5	275

-

Bil.	Senarai Jadual	Ms
2.1	Perbandingan Analisis Isi Kandungan dan Analisis Isi Interpretatif	34
2.2	Perbezaan Paradigma Pluralistik dan Paradigma Kritikal	37
3.1	Pembingkaian Model Robert Entman	56
3.2	Perangkat Pembingkaian Robert Entman	58
3.3	Strategi Analisis Teks	
4.1	Perkembangan Jumlah Penduduk Rencana Provinsi Tapanuli Tahun 1961-2000	90
4.2	Bilangan Penduduk Menurut Agama Tahun 2000	91
4.3	Taburan Penduduk Menurut Pentadbiran dan Etnik	92
4.4	Bilangan Penduduk Miskin Tegar Menurut Kabupaten/Kota Tahun 1993-1999	93
4.5	Indeks dan Kualiti Pembinaan Sumber Manusia Tahun 1990-2001	94
5.1	Jumlah Syarikat Akhbar dan Edaran Naskhah Akhbar di Indonesia	101
5.2	Persebaran Akhbar di Indonesia	102
5.3	Taraf Ekonomi Pembaca, Pendengar, dan Penonton Media 2000-2004	103
5.4	Perbandingan Pasaran Akhbar dan Televisyen di Indonesia	104
5.5	Edaran dan Jenis Berita	105
5.6	Kumpulan Media di Indonesia	106
5.7	Konglomerasi Media di Indonesia	108
5.8	Pengurus Akhbar <i>Waspada</i>	112
6.1	Unit Analisis Berita Akhbar <i>SIB</i>	119
6.2	Unit Analisis Berita Akhbar <i>Waspada</i>	120
6.3	Letak Berita	121
6.4	Penggunaan Bilangan Paragrap	121
6.5	Jenis Berita	122
6.6	Sumber Berita	123
6.7	Isu-isu Utama	124
6.8	Hasil Analisis Pembingkaian <i>SIB</i> , Isnin 16 Oktober 2006	128

6.9	Hasil Analisis Pembingkaian <i>SIB</i> , Khamis 2 November 2006	131
6.10	Hasil Analisis Pembingkaian <i>SIB</i> , Jumaat 3 November 2006	134
6.11	Hasil Analisis Pembingkaian <i>SIB</i> , Selasa 7 November 2006	137
6.12	Hasil Analisis Pembingkaian <i>SIB</i> , Sabtu 11 November 2006	140
6.13	Hasil Analisis Pembingkaian <i>SIB</i> , Sabtu 11 November 2006	143
6.14	Hasil Analisis Pembingkaian <i>SIB</i> , Selasa 14 November 2006	148
6.15	Hasil Analisis Pembingkaian <i>SIB</i> , Ahad 19 November 2006	151
6.16	Hasil Analisis Pembingkaian <i>SIB</i> , Selasa 21 November 2006	155
6.17	Hasil Analisis Pembingkaian <i>SIB</i> , Khamis 23 November 2006	157
6.18	Hasil Analisis Pembingkaian <i>SIB</i> , Jumaat 12 April 2007	160
6.19	Hasil Analisis Pembingkaian <i>SIB</i> , Jumaat 19 April 2006	163
6.20	Hasil Analisis Pembingkaian <i>Waspada</i> , Sabtu 14 Oktober 2007	166
6.21	Hasil Analisis Pembingkaian <i>Waspada</i> , Khamis 11 Januari 2007	169
6.22	Hasil Analisis Pembingkaian <i>Waspada</i> , Ahad 14 Januari 2007	172
6.23	Hasil Analisis Pembingkaian <i>Waspada</i> , Isnin 15 Januari 2007	174
6.24	Hasil Analisis Pembingkaian <i>Waspada</i> , Isnin 15 Januari 2007	177
6.25	Hasil Analisis Pembingkaian <i>Waspada</i> , Khamis 18 Januari 2007	180
6.26	Hasil Analisis Pembingkaian <i>Waspada</i> , Sabtu 20 Januari 2007	183
6.27	Hasil Analisis Pembingkaian <i>Waspada</i> , Khamis 25 Januari 2007	185
6.28	Hasil Analisis Pembingkaian <i>Waspada</i> , Sabtu 3 Februari 2007	188
6.29	Hasil Analisis Pembingkaian <i>Waspada</i> , Isnin 12 Februari 2007	191
6.30	Hasil Analisis Pembingkaian <i>Waspada</i> , Isnin 12 Februari 2007	193
6.31	Hasil Analisis Pembingkaian <i>Waspada</i> , Selasa 13 Februari 2007	196
7.1	Konstruksi Wacana Berita <i>SIB</i>	224
7.2	Konstruksi Wacana Berita <i>Waspada</i>	224

Bil. **Senarai Rajah** **Ms**

1.2	Kerangka Analisis	19
3.1	Skema Konsep Pembingkaian Robert Entman	57
3.2	Kerangka Kerja Penyelidikan	60
4.1	Peta Rancangan Provinsi Tapanuli	67
7.1	Letak Berita	226
7.2	Penggunaan Jumlah Paragraf	228
7.3	Jenis Berita	229
7.4	Sumber Berita	230
7.5	Isu-isu Utama	231

Senarai Istilah

Ringkasan/ Penerangan Istilah

DPRRI	= Dewan Perwakilan Rakyat Republik Indonesia, Parlimen Pusat di Jakarta. Di Malaysia dipanggil dengan Dewan Undangan Negeri (DUN). Tiap-tiap negeri (provinsi) memiliki perwakilannya di parlimen pusat yang jumlah DUN setiap negeri ditentukan mengikut jumlah bilangan penduduknya.
DPRD Tingkat I	= Dewan Perwakilan Rakyat Daerah, Parlimen Negeri Peringkat Provinsi. Tiap-tiap ahli parlimen negeri diundi secara langsung oleh penduduk di provinsi melalui satu-satu parti. Di Indonesia sekarang ini terdapat 48 parti politik, termasuk 6 parti politik tempatan yang hanya ada di Provinsi Nanggoe Aceh Darussalam (NAD).
DPRD Tingkat II	= Dewan Perwakilan Rakyat Daerah, Parlimen Daerah Peringkat Kabupaten dan atau Kota. Demikian pula halnya, tiap-tiap ahli parlimen di kabupaten/kota dipilih melalui satu parti politik.
Gubernur	= Gabenor, Ketua Pemerintahan Provinsi atau negeri. Sekarang ini tiap-tiap gabenor di 33 provinsi diundi secara langsung oleh penduduk satu provinsi, sebagaimana diatur dalam Undang-Undang No. 32 Tahun 2004 Tentang Sistem Pemerintahan Daerah.
Kabupaten	= Daerah yang diterajui oleh seorang bupati. Bupati/wakil bupati diundi secara langsung oleh rakyat satu kabupaten. Pada masa lalu bupati/wakil bupati dipilih oleh parlimen tempatan.
Kota	= Bandar raya, bandar dan pentadbirannya. Untuk menjadi Walikota/wakil walikota, seseorang diundi secara langsung oleh penduduk satu bandar. Pada ketika ini terdapat 449 Kota/Kabupaten di Indonesia. Jumlah ini meningkat berbanding masa sebelum reformasi yang jumlahnya hanya 265 kabupaten/kota.
Keresidenan	= Daerah yang dipimpin oleh seorang residen pada masa dulu lagi. Sistem pemerintahan ini tidak digunakan lagi sejak kemerdekaan Indonesia pada 17 Ogos 1945.
Provinsi	= Negeri yang di bawah jagaan seorang gabenor. Pada ketika ini ada 33 provinsi di Indonesia. Jumlah ini kelihatannya akan bertambah lagi mengikut keperluan dan aspirasi masyarakat.

BAB SATU **PENDAHULUAN**

1.0 Pengenalan

Tiap-tiap negara mempunyai cara dan keadaan tersendiri apabila berdepan dengan pelbagai cabaran. Media turut memainkan peranannya sedikit sebanyak sesuai dengan sistem nilai yang diamalkan di negara tersebut. Demikian juga yang berlaku di Indonesia, media elektronik dan cetak memainkan peranan yang boleh dikatakan sangat liberal. Gambaran ini sungguh jauh berbeza dengan masa-masa sebelum ini iaitu sebelum era reformasi tahun 1998. Pada masa itu pemilikan dan isi kandungan media mendapat kawalan yang ketat daripada pemerintah. Pada masa itu pula wartawan dan pengurus media berdepan dengan rejim “tangan besi” sehingga banyak wartawan yang masuk penjara dan medianya ditutup.

Sejak tahun 1998, haluan berganti dengan istilah popular di Indonesia; iaitu, era reformasi pelbagai bidang politik, ekonomi, hukum, dan terutamanya dalam sistem perundangan media. Harus diakui pula bahawa sistem yang sedemikian ini belum memperlihatkan peranan media yang signifikan bagi mendatangkan faedah kepada rakyat Indonesia yang sebenar. Oleh yang demikian dirasakan penting untuk melihat amalan media pasca era reformasi di Indonesia. Dalam konteks ini pengkaji ingin melihat peranan akhbar di Medan yang melaungkan aspirasi masyarakat, khususnya wacana rencana penubuhan Provinsi Tapanuli yang ingin membebaskan diri daripada Provinsi Sumatera Utara.

1.1 Latar Belakang Penyelidikan

Sejak beberapa tahun kebelakangan ini wacana mengenai rencana penubuhan Provinsi Tapanuli merupakan topik yang hangat dibincangkan sama ada di parlimen, masyarakat awam ataupun oleh media massa. Topik ini banyak dibincangkan khasnya oleh para pemberita media di Sumatera Utara kerana isu berkenaan mengandungi permasalahan etnik Batak. Etnik Batak merupakan salah satu etnik besar dan paling berpengaruh sama ada di Sumatera Utara atau di Indonesia pada umumnya. Aspirasi bagi mewujudkan Provinsi Tapanuli telah lama menjadi kontroversi sama ada kepada pihak yang menyokong atau pihak yang menentang dalam kalangan etnik Batak itu sendiri. Bahkan hingga kini media cetak di Sumatera Utara masih menyiarkan berita tentang perkara ini. Meskipun Provinsi Tapanuli belum lagi wujud, berita-berita dalam perkara berkenaan masih tetap mencuri perhatian media dan masyarakat.

Walau bagaimanapun berita-berita mengenai rencana penubuhan Provinsi Tapanuli mengandungi pelbagai aspek yang perlu diambil kira. Dalam konteks sosial misalnya, fakta-fakta empirik jelas dan ketara bahawa masyarakat yang bermastautin di kawasan Tapanuli disifatkan sebagai masyarakat yang tertinggal dalam pelbagai bidang. Mereka berdepan dengan masalah kemiskinan, pendidikan, kesihatan, dan kesejahteraan ekonomi berbanding masyarakat di kawasan timur Provinsi Sumatra Utara. Hal ini belum memperlihatkan keadaan infrastruktur seperti jalan, tenaga, bekalan air bersih, dan infrastruktur perekonomian yang tidak sempurna.

Isu Provinsi Tapanuli sebenarnya bukanlah merupakan perkara yang tiba-tiba muncul di tengah-tengah masyarakat Sumatera Utara. Persoalan ini telah lama wujud bahkan sejak tiga dekad yang lalu. Pada masa-masa yang lalu, wacana berkenaan timbul tenggelam seiring dengan sistem politik dan sistem media yang bersikap menindas kerana kebebasan akhbar belum wujud lagi seperti sepuluh tahun kebelakangan ini, walhal media perlu diberikan kebebasan berwacana tanpa sebarang kawalan daripada mana-mana pihak, terutama ahli politik.

Semenjak dahulu lagi akhbar telah menjadi sumber pengetahuan yang paling murah bagi masyarakat terutamanya masyarakat desa yang tidak faham bahasa lain selain bahasa ibundanya, lebih-lebih lagi bagi masyarakat yang tidak mempunyai kuasa beli yang melebihi keperluan asas harian. Bagi mereka akhbarlah yang menjadi sumber maklumat dan pengetahuan yang paling utama. Bagi golongan pembaca kritikal seperti masyarakat bandar lebih beruntung, kerana sentiasa terdedah kepada pelbagai sumber maklumat.

Kebelakangan ini ada semacam kecenderungan dalam kalangan pengurus akhbar untuk melariskan jualan akhbar masing-masing dengan mengemukakan cerita yang menghiburkan nafsu. Bahkan ada yang menyiarangkan pengakuan pengalaman yang liar dan menyeronokkan. Walau bagaimanapun inilah jalan mudah untuk meningkatkan jualan naskhah kerana ia memenuhi kehendak nafsu yang ada pada setiap pembaca. Namun demikian jika diselidiki lebih jauh lagi, golongan pembaca zaman sekarang lebih kritikal daripada generasi sebelumnya. Malahan sekiranya sesebuah akhbar mahu terus menggerakkan pemikiran masyarakat, maka akhbar tersebut harus memberikan ruangan yang lebih banyak kepada pelbagai golongan

yang tidak sependapat dengan sikap dan hala tuju akhbar terbabit. Kerap kali dalam hal-hal tertentu, suara kita menjadi lebih kuat dan lebih tegas daripada suara golongan yang menentang. Akhbar tidak menganggap hal ini sebagai penyimpangan daripada prinsip keadilan asasnya kerana akhbar juga berpegang pada tugas dan tanggungjawab bagi membimbing dan membentuk fikiran rakyat secara keseluruhannya.

Jika kita menerima hakikat bahawa akhbar ialah institusi yang berguna bagi masyarakat, terutama dari segi pembinaan minda masyarakat, maka para pengendali akhbar juga perlu mempunyai ilmu dan pengetahuan yang memadai. Hal ini selaras dengan tuntutan zaman yang sudah berubah, iaitu para wartawan diharapkan dapat menjernihkan isu-isu yang kusut dan menghurai masalah-masalah teknikal menggunakan bahasa yang mudah difahami oleh semua orang.

Sepanjang tahun 2006 dan 2007, ramai yang melaporkan isu penubuhan Provinsi Tapanuli dalam akhbar-akhbar yang terbit di bandar raya Medan. Dapat dikatakan dalam tempoh yang demikian, wacana tersebut telah menjadi isu media yang strategik. Hal ini menarik perhatian pengkaji kerana posisi akhbar yang memberitakan berbeza satu sama lain: ada yang setuju (pro) dan ada yang tidak setuju (kontra) akan rencana penubuhan Provinsi Tapanuli.

Akhbar *Sinar Indonesia Baru (SIB)* yang setuju dengan penubuhan Provinsi Tapanuli, misalnya dalam salah satu tajuk muka depannya memberitakan “Untuk Menyampaikan Kebulatan Tekad Menyokong Provinsi Tapanuli, 12 Januari 2007, 20,000 Massa Berkumpul di Tarutung”. Sebaliknya, akhbar yang tidak setuju

rencana penubuhan tersebut menuliskan berita “Ribuan Massa Islam Tolak Provinsi Tapanuli”. Berdasarkan amatan pengkaji, kedua-dua akhbar konsisten memilih sikapnya masing-masing.

Setiap media, sama ada cetak atau elektronik, sentiasa memainkan peranan penting menyampaikan maklumat kepada pembaca, penonton, dan pendengar tetapi media massa juga boleh mempengaruhi khalayak dengan berita yang disiarkan sama ada memiliki kesan positif atau negatif. Dalam dunia moden, khalayak sememangnya menerima media massa dengan pelbagai ragam dan bentuknya sebagai satu institusi yang mewakili agenda kehidupan masyarakat dan alam sekitar. Rakyat jelata, sedikit sebanyak akan terpengaruh atau dipengaruhi oleh apa-apa yang disiarkan media.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa pengaruh wujud daripada mana-mana akhbar sama ada “media alternatif” atau “media baru”; antaranya berita dalam dunia siber dan juga multimedia. Permasalahan yang penting ialah pengamal media harus bertanggungjawab terhadap profesionnya itu. Dalam makna lain, tanggungjawab itu bukan sekadar melaporkan dan menyiaran berita sahaja, malah menjadi tumpuan ke arah yang lebih baik.

Berita yang disampaikan bukan sekadar peristiwa dan sejarah, malahan berita yang mempunyai punca sebab dan akibat. Oleh yang demikian, pemberitaan yang objektif tidak hanya sekadar melaporkan satu fakta sahaja, melainkan dapat mengambil kira kesan peristiwa di sebalik berita itu. Semua pengamal media sepatutnya perlu menyedari cara melihat peranan yang menyokong atau yang menolak sesuatu pendirian atau fahaman. Tanggungjawab utama dan mulia ialah

sahsiah media dalam usaha membina masyarakat sivil bagi meningkatkan hak dan kewajipan warga terhadap kebajikan.

Pemilihan tajuk penyelidikan mengenai penubuhan Provinsi Tapanuli dengan menerapkan kaedah wacana kritikal dalam kedua-dua akhbar yang terbit di Medan, Sumatera Utara, ialah seumpama “teori gunung ais”. Dalam pandangan seorang ahli falsafah Jerman, Immanuel Kant, bahawa lapisan atas daripada puncak gunung ialah “fenomena” yang kelihatan (*visible aspect*) antaranya media, simbol, dan interaksi dalam pesanan. Dalam pada itu, pada lapisan bawahnya terdapat “noumena” (*invisible aspect*), yang tidak kelihatan antaranya makna, subjektiviti, refleksi diri, dan peringkat interaksi (Ruben: 1992). Justeru, lapisan bawah inilah yang sangat berbahaya kerana tidak kelihatan dan sering tidak diberikan perhatian oleh orang ramai. Kapal karam bukan kerana terlanggar pucuk gunung aisnya, tetapi disebabkan gumpalan besar di bawah paras laut. Cabaran media justeru bagaimana ianya dapat melihat “fenomena” dan “noumena” dalam masa yang sama (Ruben, 1992 : ms. 90-93 ; Hamdan, 2006 : ms. 26-27)

Dalam amalan wacana media, terutama penulisan berita, para wartawan telah memiliki kaedah menulis berita yang baik. Berita yang disiarkan harus memenuhi kriteria kebenaran isi kandungan, dan kejelasan sumbernya. Kovach dan Rosenstiel, (2006)) menjelaskan elemen-elemen daripada jurnalisme, antaranya, bahawa berita yang disiarkan itu sepatutnya ditujukan untuk membangunkan kewarganegaraan (*citizenship*), yang berpihak kepada kebenaran. Namun pada kenyataannya hal tersebut tidak mudah diwujudkan seperti yang ditegaskan oleh Fowler (1991) iaitu berita merupakan hasil konstruksi satu media. Bahkan Shoemaker dan Reese (1996)

memandang media itu tidak mengandungi refleksi realiti yang objektif. Media mengkonstruksi satu peristiwa atau realiti secara subjektif sehingga menghasilkan versinya masing-masing. Hall (1978) pula menyatakan bahawa semasa melaporkan sesuatu peristiwa kadang-kadang media mengabaikan kebenaran yang wujud dan menyesuaikannya dengan hala tuju media tersebut.

Angin perubahan berteraskan reformasi di Indonesia akhirnya menceminkan satu yang dikenal dengan istilah era perantara politik (*politics in the age of mediation*). Pernyataan-pernyataan para elit politik dan tokoh-tokoh masyarakat mengenai wacana Provinsi Tapanuli mendapat liputan yang luas oleh kedua-dua akhbar (*SIB* dan *Waspada*). Liputan-liputan berita politik tidak menghairankan malahan mendapat perhatian yang luas daripada masyarakat. Para pemberita pula cukup bijak iaitu, memberikan tajuk-tajuk berita yang sensasi dan menarik perhatian masyarakat awam.

Dalam konteks yang demikian media telah mengarahkan pendapat masyarakat menerusi tajuk berita yang disiarkan. Dalam komunikasi politik misalnya dikatakan, pembentukan pendapat umum menjadi tujuan utama kerana hal ini akan mempengaruhi matlamat yang ingin diperoleh para aktor politik, (McNair, 1995; Mohd. Safar Hasim, 1996).

Keghairahan penyiaran berita-berita tentang rancangan penubuhan Provinsi Tapanuli oleh sejumlah akhbar di bandaraya Medan, mengingatkan pengkaji terhadap peristiwa kes *antebellum* di Cincinnati Amerika Syarikat yang berlaku

sekitar tahun 1830.¹ Pengkaji terinspirasi daripada kes Cincinnati, terutamanya kerana ada persamaan-persamaan bahan kajian antaranya ideologi media dalam pembentukan wacana, tetapi dari segi teori dan kaedah penyelidikannya, pengkaji menggunakan pendekatan tersendiri yang disesuaikan dengan permasalahan kajian dan latar belakang sosiabudaya politik dan amalan media di Indonesia.

Sesuai dengan amanat penyelidikan dalam konteks paradigma kritikal yang mengharuskan penggunaan analisis pelbagai tahap (*multi-level analysis*), maka dalam penyelidikan ini pengkaji menggunakan analisis wacana kritikal (*Critical Discourse of Analysis/CDA*) daripada Norman Fairclough. Model analisis *CDA* ini dilakukan dengan menghubungkan tiga tingkatan yang ada dalam *communicative events*; iaitu, “teks” (*text*), “praktik wacana” (*discourse practice*), dan “praktik sosiokultural” (*sociocultural practice*). Dalam *CDA*, bahasa tidak dianalisis dengan melihat aspek kebahasaan sahaja, tetapi juga menghubungkannya dengan konteks makro sosial.

Selain itu pula *CDA* menekankan kekuatan yang wujud pada proses produksi dan reproduksi makna. Dengan perkataan lain, *CDA* dalam kajian ini bersifat holistik dengan dua kriteria. *Pertama*, sifat komprehensif; iaitu, kemampuan menempatkan teks dalam konteksnya yang bersepada dengan analisis teks dan *kedua*, sifat historikal; iaitu, keupayaannya dalam mendefinisikan secara spesifik (*historical situatedness*) dengan menghubungkan faktor latar belakang historikalnya.

¹ Peristiwa Cincinnati ialah satu kerusuhan (*riot*) yang melibatkan dua kelompok masyarakat antara yang menyokong abolisi penghapusan antiras dan perbudakan (*slaves*) dan yang menentangnya. Peristiwa ini berlaku sebelum perang saudara (*antebellum*) di Amerika Syarikat, sekitar tahun 1830. Wacana publik yang kemudian mendapat porsi pemberitan sejumlah akhbar tempatan, sama ada yang menyokong atau yang menolak rancangan itu, membawa malapetaka kerusuhan berupa konflik fizikal di antara warga yang bertikai.

Pertanyaan besar *CDA* Fairclough ialah bagaimana menghubungkan teks yang mikro dengan konteks masyarakat yang makro? Peranan bahasa dalam wacana sangat penting kerana bahasa secara simbolik akan dilihat sebagai praktik kekuasaan. Model *CDA* ini disebut juga model perubahan sosial (*social change*) kerana bahasa bukan sahaja menjadi praktik individu, akan tetapi eksistensinya dalam merefleksikan satu fakta sosial.

Sebagai satu kajian sosial, pengkaji cuba menyampaikan sejumlah ilustrasi yang ada hubung kaitnya dengan fenomena masyarakat Tapanuli yang lazimnya dipanggil etnik Batak. Sejauh yang diketahui pengkaji, selama ini belum ada para sarjana dalam bidang ilmu komunikasi yang telah melakukan penyelidikan analisis wacana kritikal mengenai Provinsi Tapanuli sebagai kajian pokoknya. Wacana penubuhan Provinsi Tapanuli berpunca pada keinginan sebahagian masyarakat Tapanuli untuk melepaskan diri daripada Provinsi Sumatera Utara yang kononnya sudah ada sejak lama.

Provinsi Sumatera Utara ditubuhkan 14 September 1948 melalui Undang-undang Nombor 10 tahun 1948 yang merupakan penggabungan keresidenan (daerah) Sumatera Timur, daerah Aceh, dan daerah Tapanuli, (Harahap, 2006). Keinginan warga Tapanuli untuk mewujudkan Provinsi Tapanuli adalah untuk mendapatkan negeri yang sejahtera dan berdasarkan alasan bahawa daerah Tapanuli dahulunya merupakan bekas keresidenan Tapanuli. Rejim penguasa masa itu tidak menginginkan penubuhan Provinsi Tapanuli kerana dikhuatiri akan menimbulkan segregasi etnik, (Castles, 2001).

Castles turut menyatakan bahawa masyarakat di daerah Tapanuli terdiri daripada dua bahagian terbesar. Di bahagian utara ialah etnik Batak yang umumnya beragama Kristian, manakala di bahagian selatan majoritinya beragama Islam.²

1.2 Permasalahan Kajian

Pendekatan analisis wacana kritikal amat berbeza dalam mengamalkan kajian isi kandungan media. Dalam dimensi kajian isi kandungan media yang bersifat kritikal, pengkaji tidak hanya berpuas hati apabila hanya sebatas mengenal pasti setiap fenomena sosial menerusi kecekapan menghitung data sesuai dengan kaedah statistik. Pengkaji wacana kritikal memandang bahawa angka, data dan rujukan statistik sebenarnya tidak mampu memberikan jawapan terhadap fenomena sosial yang sebenar.

Oleh yang demikian, pengguna kajian wacana kritikal perlu mereka bentuk satu mod yang membolehkannya mendapat satu fenomena secara holistik. Antaranya dengan menemu bual para pemberita media menerusi kerja-kerja penyelidikan dengan memperoleh data kualitatif yang benar-benar bermutu. Dalam proses menemu bual para wartawan dan pengurus media terbabit, maka pengkaji dapat

² Dalam pelbagai bibliografi, antaranya J.C. Vergouwen (1986), mengatakan bahawa etnik Batak yang ada di Tapanuli terdiri dari 7 (tujuh) sub etnik; iaitu, Toba, Simalungun, Karo, Angkola, Mandailing, Dairi, dan Pakpak. Ketujuh sub etnik itu diyakini berasal dari satu keturunan ; iaitu, Si Raja Batak (diperkirakan hidup sekitar tahun 1200) yang bermukim di Pusuk Buhit, sekitaran kawasan Danau Toba. Kemudian keturunannya pergi merantau mencari penghidupan dengan membuka hutan, dan membina kampung yang tersebar ke pelbagai penjuru sampai ke kawasan Sumatera Timur (Asahan, dan Tanah Deli), Aceh, Sumatera Barat, kawasan lainnya. Keturunan Si Raja Batak sepertimana termaktub dalam Garis Besar Salasilah Bangsa Batak (*Poestaha Taringot Toe Tarombo Ni Bangso Batak*) oleh W.M. Hoeta Galung (1926) disebutkan bahawa etnik Batak memiliki marga (*clan*) garis keturunan (*lineage*) yang hanya diturunkan kepada laki-laki (*patrilineal*) dalam sistem kekerabatan yang diatur kedudukannya dalam sistem “tungku nan tiga” (*Dalihan Na Tolu*), yakni hubungan-hubungan kerabat darah dan hubungan perkahwinan: pemberi anak perempuan (*hula-hula*), keturunan semarga (*dongan sabutuha*), dan laki-laki yang mengambil anak perempuan marga lain (*anak boru*). Sejak lahir orang Batak terbiasa dengan suasana konflik antarakuasa masalah warisan dan persoalan adat budaya. Hal yang demikian tidak menghairankan, kerana mereka terbiasa dengan kehidupan konflik, sehingga ramai orang Batak yang mencebur profesional bidang hukum seperti polis, tentera, dan peguam. Uniknya lagi orang Batak pula memiliki mekanisme penyelesaian konflik; iaitu, melalui sistem *Dalihan Na Tolu*.

menyampaikan sejumlah soalan yang menjadi fokus permasalahan yang berdepan dengan perkara yang akan diselidikinya dengan berleluasa. Mengikut Fairclough, (1995) ...*The discourse practice dimension of the framework as concern with the production, consumption and distribution, can be investigated in term of ‘chain’ relationships (as opposed to paradigmatic or ‘choice’ relationships) whitin orders of discourse* (m.s. 13).

Hall pula, (dalam Eriyanto, 2001: m.s 34) membuat sebarang hujahan bahawa realiti tidaklah sesederhana yang mudah difahamkan sebagai satu peranti fakta, tetapi ia sebenarnya dihasilkan daripada ideologi atau pandangan tertentu satu media. Statemen Hall memberikan kesan bahawa satu realiti yang dihantar oleh media menerusi teks yang ada pada berita tidak terlepas daripada adanya ‘campur tangan’ institusi media terhadap kepentingan tertentu. Kepentingan itu tidak lain ialah ideologi yang diamalkan untuk mencapai matlamat hegemoni seperti penjualan naskhah dan ruang-ruang iklan.

Keputusan media membina tajuk dan ayat dalam berita seperti yang telah dipaparkan Bakhtin dalam kajian-kajiannya terdahulu lagi pada intinya memberikan kesan terhadap falsafah dialogikal bahasa. Hal yang demikian diambil kira pula oleh Koerner dan Treloar (2001). Koerner & Treloar dalam mengkaji wacana kritikal menerusi media tempatan di Australia dalam kes berita-berita HIV/AIDS menemukan bahawa orang ramai tertarik dengan berita kerana media memiliki daya pemujukan yang tinggi. Meer pula yang membuat penyelidikan pandangan stereotipikal wartawan media akhbar di Inggeris terhadap isu perkauman seumpama kebiasaan perempuan muslim menggunakan tudung kepala menyimpulkan bahawa

isu sensitif sebenarnya berpunca pada isu awam. Dalam konteks kedua-dua penyelidikan memerihalkan bahawa keputusan pengurus media dalam menentukan tajuk muka hadapan, penggunaan ayat-ayat berita, dan isu yang selari dengan keperluan awam ialah fokus perhatian yang utama pula bagi pengkaji wacana kritikal.

1.3 Persoalan Kajian

Berdasarkan paparan permasalahan di atas, beberapa persoalan kajian yang berkait rapat dengan penyelidikan model wacana kritikal ini antaranya mengenal pasti jentera institusi media dalam memproduksi wacana. Selain itu, cara pemberita memaknai realiti, dan keputusan media dalam menempatkan posisi berita, sumber berita, serta media membina isu-isu wacana publik.

Analisis wacana kritikal sentiasa mengandaikan bahawa teks yang dihasilkan satu media tidak terlepas daripada pertembungan kepentingan yang ada dalam masyarakat. Dalam hal yang demikian wacana dibina selalunya melalui proses pemilihan “apa yang ditampilkan” (*manifest*) dan “apa yang tersirat” (*latent*). Permainan “*manifest*” dan “*latent*” ini antaranya kelihatan manakala media memilih keputusan yang diberitakan, siapa yang dipilih menjadi komunikator berita, di mana berita diletakkan, dan pertimbangan-pertimbangan strategik lainnya.

Oleh yang demikian, kajian ini mampu melihat cara media membina wacana. Persoalan ini merupakan hal yang kompleks, pada masa yang sama ia menarik untuk ditelusuri sehingga secara umum dapat mengenal pasti kehadiran makna dan persepsi pembacanya.

Dalam kajian wacana kritikal, berita bukanlah sesuatu yang neutral yang memberitakan pihak-pihak yang berkepentingan. Dalam kenyataannya berita terlibat menyalurkan satu kepentingan di mana media justeru menyuarakan pihak-pihak yang berkepentingan. Oleh yang demikian pada dasarnya berita bukanlah sesuatu yang ada dengan sendirinya, tetapi ia dikonstruksi, dimaknai, dan ditafsirkan sama ada disedari atau tidak disedari menerusi kerja-kerja media itu sendiri.

Dalam konteks yang demikian, sebenarnya proses pembentukan penyusunan berita telah melalui fasa-fasa perebutan dan pertembungan pelbagai kepentingan iaitu media berperanan besar untuk menentukan agenda kepentingan yang dekat dengan media itu sendiri. Hal ini menunjukkan cara media memperkemas mesej melalui elemen jenteranya seperti bahasa, ideologi, dan peringkat jurnalisme lainnya. Oleh yang demikian pengkaji cuba membuat peta persoalan utama dalam penyelidikan berkenaan seperti dihuraikan dalam soalan-soalan berikut:

1. Bagaimanakah *Sinar Indonesia Baru* dan *Waspada* memaknai isu rancangan penubuhan Provinsi Tapanuli?
2. Mengapakah *Sinar Indonesia Baru* menyokong dan *Waspada* menolak rancangan penubuhan Provinsi Tapanuli? Apakah faktor yang melatarbelakanginya?
3. Bagaimanakah *Sinar Indonesia Baru* dan *Waspada* membingkai berita-berita mengenai isu penubuhan Provinsi Tapanuli?
4. Bagaimanakah kepentingan wujud dalam konstruksi wacana *Sinar Indonesia Baru* dan *Waspada*?

1.4 Tujuan Kajian

Sesuai dengan persoalan utama dalam kajian ini, maka terdapat beberapa tujuan (*objectives*) yang ingin dicapai dalam penyelidikan ini; iaitu,

1. Mengenal pasti cara akhbar *Sinar Indonesia Baru* dan *Waspada* memberikan makna wacana penubuhan Provinsi Tapanuli.
2. Mengenal pasti penyusunan wacana yang dibina oleh akhbar *Sinar Indonesia Baru* dan *Waspada*.
3. Mengenal pasti ideologi media yang dipraktikkan oleh akhbar *Sinar Indonesia Baru* dan *Waspada*.
4. Mengetahui jenis berita yang dipilih oleh akhbar *Sinar Indonesia Baru* dan *Waspada* dalam memberitakan isu penubuhan Provinsi Tapanuli.
5. Mengetahui orientasi isu-isu yang dibangkitkan oleh kedua-dua akhbar sama ada ke arah isu politik, persoalan agama atau isu perkauman.

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian dengan pendekatan analisis wacana kritikal ini dijalankan untuk beberapa kepentingan yang berkaitan dengan bidang teoretikal dan praktikal antaranya adalah:

1. Memberikan sumbangan terhadap penyelidikan media yang berteraskan pandangan kritikal yang masih sangat jarang diamalkan berbanding kajian pluralistik yang ramai diguna pakai oleh pengkaji media pada ketika ini (Guba:1990; Crotty:1998; Barker & Balasinski:2001, dan Eriyanto:2001).